

# ZETRIL POWDER®

Glucosamine Sulphate (1500mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Zetril
2. Bagaimana Zetril berfungsi
3. Sebelum menggunakan Zetril
4. Cara menggunakan Zetril
5. Semasa menggunakan Zetril
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Zetril
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Zetril

Zetril mengandungi 1500mg Glucosamine Sulphate sebagai bahan aktif.

Zetril digunakan sebagai suplemen untuk melegakan simptom-simptom osteoarthritis.

## Bagaimana Zetril berfungsi

Ia berfungsi untuk mengurangkan sakit sendi tulang dan meningkatkan fungsi sendi, sekaligus memelihara sendi dan mencegah permulaan awal artritis.

## Sebelum menggunakan Zetril

### - Bila tidak boleh menggunakan

- Pernah atau mengalami alahan terhadap Glucosamine atau bahan-bahan lain yang terdapat dalam Zetril.
- Pernah atau mengalami alahan terhadap kerang atau produk yang berasaskan kerang.

### - Sebelum mula menggunakan Zetril

Maklumkan kepada doktor anda sekiranya:

- Anda mempunyai penyakit kencing manis
- Anda mempunyai ulser usus
- Anda telah mewarisi penyakit phenylketonuria (gangguan yang menyebabkan pembentukan fenilalanin dalam badan)
- Anda mempunyai masalah hati dan buah pinggang

Kesan hanya dapat dilihat dalam jangka masa seminggu. Oleh itu, jika anda mengalami kesakitan yang teramat sangat, adalah dinasihatkan untuk mengambil ubat tahan sakit seperti yang dicadangkan oleh doktor anda di samping Zetril pada awal rawatan.

Sekiranya anda tidak pasti sama ada anda perlu mula mengambil produk ini, rujuk kepada doktor anda.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumkan kepada doktor anda sekiranya anda sedang mengambil ubat lain, termasuk ubatan yang didapatkan tanpa preskripsi. Anda mungkin perlu mengubah dos anda atau mengambil ubat lain. Doktor anda akan memberikan cadangan. Anda mesti maklumkan kepada doktor anda sekiranya anda mengambil ubat-ubat yang berikut:

- Agen antidiabetik
- *Warfarin* (ubat untuk menghalang proses pembekuan darah)

### - Semasa mengandung dan menyusu bayi

Dapatkan nasihat daripada doktor atau ahli farmasi anda sebelum mula mengambil sebarang ubat-ubatan.

Doktor anda akan berbincang dengan anda mengenai risiko dan manfaat pengambilan Zetril ketika mengandung dan menyusu bayi.

## Cara menggunakan Zetril

Sentiasa mengambil Zetril seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda. Sekiranya anda tidak pasti, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

### - Berapa banyak harus digunakan

Larutkan 1 bungkus Zetril di dalam satu gelas air dan minum sebanyak sehari sekali untuk sekurang-kurangnya 6 minggu atau seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

### - Bila perlu digunakan

Zetril perlu diambil 15 minit sebelum makan. Individu yang mempunyai masalah gastrousus boleh mengambil Zetril selepas makan.

### - Berapa lama perlu digunakan

Tempoh terapi yang disyorkan ialah 3 bulan dan rawatan mungkin akan berulang selang 2 bulan atau seperti yang diarahkan oleh doktor.

### - Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Tahap glucosamine sulfat yang sangat tinggi (dos harian yang berganda) boleh menyebabkan turun naik gastrik seperti najis lembut, cirit-birit dan loya.

## Semasa menggunakan Zetril

### - Perkara yang perlu dilakukan

- Patuhi arahan doktor atau ahli farmasi anda ketika menggunakan Zetril. Jika anda tidak pasti, rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda.
- Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil ubat lain termasuk ubat yang diambil tanpa preskripsi seperti suplemen atau ubat tradisional.
- Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda dengan segera sekiranya anda perasan sebarang kesan sampingan atau kesan sampingan menjadi serius atau apa-apa yang menyebabkan anda berasa tidak sihat.
- Jika anda hamil atau merancang untuk hamil semasa menggunakan Zetril, maklumkan kepada doktor anda.
- Jika anda merancang untuk mengambil ubat baru, ingatkan doktor dan ahli farmasi anda yang anda sedang mengambil Zetril.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan mengambil Zetril selepas tarikh luput yang dinyatakan pada strip dan kotak tersebut.
- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan berkongsi Zetril dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.
- Perkara yang perlu diberi perhatian
- Memandu dan menggunakan mesin: Zetril tidak menjejaskan keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan mesin.

## Kesan-kesan sampingan

Seperti produk lain, Zetril boleh mendatangkan kesan sampingan kepada pesakit terutamanya pada permulaan

pengambilan walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Maklumkan kepada doktor anda sekiranya anda mempunyai simptom seperti:

- Bengkak buku lali dan kaki, denyutan jantung yang laju, mengantuk, sakit kepala, insomnia, loya, muntah, cirit-birit, senak atau ketidakselesaan perut, sembelit, pedih ulu hati, tiada selera makan, serta reaksi kulit seperti kemerah-merahan atau ruam dan gatal-gatal

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda jika terdapat sebarang kesan sampingan yang merisaukan anda atau terdapat kesan sampingan lain yang tidak dinyatakan di sini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public* → *Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*)

### **Cara penyimpanan dan pelupusan Zetril**

#### **- Penyimpanan**

Simpan di tempat yang sejuk dan kering di bawah suhu 30°C dan jauhi dari cahaya.

Jauhi daripada kanak-kanak

#### **- Pelupusan**

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

### **Maklumat lanjut**

#### **- Rupa dan warna produk**

Zetril Powder adalah serbuk putih yang dibungkus dalam paket.

Produk ini tidak mengandungi perisa dan rasanya sedikit manis dan masam.

#### **- Bahan-bahan kandungan**

##### **- Bahan Aktif**

1884mg Glucosamine Sulphate Sodium Chloride bersamaan dengan 1500mg Glucosamine Sulphate.

##### **- Bahan tidak aktif**

Sorbitol, aspartame, citric acid and polyethylene glycol 6000.

#### **- Bungkusan**

Zetril Powder dibungkus dalam paket aluminium dengan berat 39.5g dan boleh

didapati dalam 5, 10, 12, 15, 20, 25, 30, 40, 50, 60, dan 100 paket aluminium yang diisi di dalam kotak kertas.

#### **- Nombor MAL**

MAL09032012X

#### **Pengilang**

T.O. PHARMA CO., LTD

101 Ladprao 124,  
Wangthonglang, Bangkok,  
Bangkok 10310, Thailand.

#### **Pemegang Pendaftaran Produk**

IMEKS Pharma Sdn. Bhd.

No. 5 & 9, Jalan Udang Harimau 2,  
Medan Niaga Kepong,  
51200 Kuala Lumpur, Malaysia.

#### **Tarikh kemaskini RiMUP**

27/11/2017

#### **Nombor siri**

NPRA(R4/1)261017/00287